

DNeX rancang hasilkan teknologi baharu akhir tahun ini

Oleh [Hazwan Faisal Mohamad](#) - Mac 20, 2022 @ 5:38pm

hazwanfaisal@mediaprima.com.my



Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir. - NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR

KUALA LUMPUR: Dagang NeXchange Bhd (DNeX), menerusi SiITerra Malaysia Sdn Bhd, bakal mengeluarkan teknologi baharu menjelang akhir tahun ini iaitu fotonik silikon dan sistem mikro-elektromekanik (MEMS) yang akan menjadi penyumbang utama kepada pendapatannya dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Pengarah Urusan Kumpulan DNeX, Tan Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, berkata ketika ini teknologi berkenaan sedang di dalam peringkat ujian dan pihaknya telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa syarikat gergasi bagi penghasilan teknologi itu.

Katanya, biarpun teknologi itu masih belum dihasilkan lagi tetapi pihaknya sudah pun berjaya mendapatkan pelanggan yang berminat dan telah menandatangani kontrak bagi membekalkannya kepada mereka.

"Ketika ini, kapasiti pengeluaran untuk teknologi teras adalah 99 peratus dan teknologi baharu hanya satu peratus. Tetapi, dalam tempoh tiga tahun akan datang, teknologi baharu ini akan mengambil di antara 20-25 peratus daripada kapasiti yang kita ada.

"Secara perlahan-lahan kita perlu beralih (ke teknologi baharu), tetapi dalam usaha untuk beralih, kita perlu melabur mendapatkan peralatan baharu. Ini kerana, peralatan lama tidak boleh digunakan untuk penghasilan teknologi baharu dan kita perlu melabur peralatan baharu dari semasa ke semasa untuk teknologi baharu ini.

"Perancangannya ialah kita menyasarkan teknologi baharu ini untuk menyumbang sehingga 40 peratus kepada pendapatan kumpulan dalam tempoh empat tahun akan datang," katanya dalam satu temubual secara maya dengan Berita Harian dan New Straits Times, baru-baru ini.

Dalam pada itu Syed Zainal berkata, pihaknya mempunyai perancangan untuk menubuhkan dana inovasi pada separuh kedua tahun ini berjumlah di antara RM30-50 juta bagi membiayai syarikat pemula berpotensi di dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E).

"Kami akan membantu syarikat yang tidak mempunyai kepakaran dan pembiayaan. Kami boleh melabur dalam syarikat kecil dan boleh membantu mereka mengembangkan perniagaan, memanfaatkan rangkaian kami dan mencipta 'sang juara' melalui modal teroka.

"Kami mahu memberi tumpuan kepada sektor E&E dan semikonduktor dan memacu dana inovasi. Kami telah bercakap dengan Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dan mengenai rancangan ini kerana kami perlu memacu perkara ini bersama rakan kongsi kami, CGP Fund," katanya.

Ditanya mengenai rancangan pengembangan SilTerra, Syed Zainal berkata DNeX mungkin memerlukan peruntukan tambahan perbelanjaan modal (CAPEX) di antara RM600 juta dan RM700 juta untuk mengembangkan dan meningkatkan kapasiti dan keupayaan SilTerra dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Katanya, SilTerra sudah pun mengumumkan untuk melabur sebanyak RM645 juta dalam pelan pengembangan yang akan meningkatkan kapasiti tahunannya sebanyak 20 peratus bagi meningkatkan kapasiti tahunan anak syarikatnya itu daripada 8.3 juta lapisan pelitup pada akhir Julai 2021 kepada 10 juta lapisan pelitup.

"Tanpa membina kilang baharu, syarikat memerlukan sekurang-kurangnya RM600 juta hingga RM700 juta dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang untuk meningkatkan kapasiti dan memaksimumkan tanah sedia ada, yang ketika ini separuh daripadanya tidak digunakan.

"Berdasarkan kapasiti semasa, kami mempunyai keupayaan untuk menghasilkan 8.5 juta lapisan topeng setahun dan kami boleh naik ke tahap maksimum 12 juta lapisan topeng setiap tahun.

"Untuk itu kami mungkin memerlukan RM600 juta hingga RM700 juta lagi untuk meningkatkan kapasiti dan membuat beberapa penambahbaikan lain," katanya.